

KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

MyGOV*NET
Connected Government

MyGPKI
GOVERNMENT PUBLIC KEY INFRASTRUCTURE

DDMS 2.0
DIGITAL DOCUMENT MANAGEMENT SYSTEM

GovEvent

data.gov.my

MyGovCloud



UNDANG-UNDANG
MALAYSIA

Akta 864

AKTA PERKONGSIAN DATA 2025

AKTA PERKONGSIAN DATA 2025 (AKTA 864)

14 Mac 2025 (Jumaat)

Disampaikan oleh:

Novolin Jou

**Bahagian Kawal Selia Akta
Jabatan Digital Negara**



Memberi satu **punca kuasa undang-undang** yang jelas untuk **mengawal selia dan menguatkuasakan undang-undang** berkaitan perkongsian data



Menambah baik **keberkesanan pelaksanaan dan pengurusan perkongsian data** di agensi (penerima dan pembekal data lebih harmoni dan efisien)



Mewujudkan **struktur tadbir urus perkongsian data** yang lebih sistematik dan fokus di dalam ekosistem perkongsian data



KAJIAN KE ARAH PENGGUBALAN RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN DATA

2 Oktober 2023 -1 Oktober 2024





KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

SESI LIBAT URUS

18 SLU

102

Kementerian/Jabatan/
Agensi Persekutuan,

38

SUK / Agensi Negeri

23

Industri / Syarikat
Swasta

65

Badan Berkanun Persekutuan



855

Kajian Perundangan Persekutuan

Analisis terhadap peruntukan Perundangan Persekutuan yang berkuatkuasa setakat September 2024

713

Kajian Perundangan Negeri

Analisis terhadap peruntukan Enakmen dan Ordinan Negeri yang berkuatkuasa setakat September 2024



PENANDAARASAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PERKONGSIAN DATA NEGARA LUAR

AUSTRALIA



Akta Ketersediaan dan Ketelusan Data Australia 2022

(Data Availability and Transparency Act 2022)

Akta Perkongsian Data Victoria 2017

(Victoria Data Sharing Act 2017)

Akta Sektor Awam Australia Selatan (Perkongsian Data) 2016

(South Australia Public Sector [Governance Act 2016] (Data Sharing)

Dasar Perkongsian Data Sektor Awam

(Public Sector Data Sharing Policy)

IRELAND



Akta Perkongsian dan Tadbir Urus Data Ireland 2019

(Data Sharing and Governance Act 2019)

Strategi Data Perkhidmatan Awam Ireland 2019 -2023

ESTONIA



Akta Perlindungan Data Estonia

(Estonia Data Protection Act) 2019

Akta Maklumat Awam Estonia (PIA) 2000

(Public Information Act 2000)

SINGAPURA



Akta Sektor Awam (Tadbir Urus) Singapura 2018

(Public Sector (Governance) Act 2018)

UK



Akta Ekonomi Digital United Kingdom 2017

(Digital Economy Act 2017)

EU



Akta Tadbir Urus Data EU (2022)

(Data Governance Act 2022)

US



Akta Data Kerajaan Terbuka Umum Elektronik dan Perlu A.S Januari 2019

(US Open Government Data Act 2019)

KAJIAN SOSIOEKONOMI DAN POLISI

1

Kajian Soal Selidik Persekitaran Semasa Perkongsian Data Sektor Awam

21 Kementerian, 49 Jabatan/Agensi, 22 Pihak Berkuasa Negeri/Tempatan,

8

Temubual Tadbir Urus Perkongsian Data

4 Kementerian dan 4 Jabatan
KPKM, MOT, MITI, MOSTI, JDN, JPA, JPNIN, DOSM

KAJIAN ICT

9

Temubual Perkongsian Data

Portal, platform perkongsian data, repositori data dan sistem pengurusan maklumat (MyGov, PADU, HRMIS, MyKhas, PADU, PRISM, MyGDX, DDSA dll)

5

Penanda Aras Negara Luar

EU, UK, Australia, Amerika Syarikat dan Singapura



Dewan Rakyat

1234567


Arkib

Kod	Tahun	Tajuk	Status
D.R.66/2024	2024	RUU Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2024	Lulus
D.R.65/2024	2024	RUU Pemegang Amanah (Pindaan) 2024	Lulus
D.R.64/2024	2024	RUU Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pindaan) 2024	Lulus
D.R.63/2024	2024	RUU Majlis Media Malaysia 2024	Bacaan Kali Pertama
D.R.62/2024	2024	RUU BERNAMA (Pindaan) 2024	Bacaan Kali Pertama
D.R.61/2024	2024	RUU Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2024	Lulus
D.R.60/2024	2024	RUU Perkongsian Data 2024	Lulus
D.R.59/2024	2024	RUU Keselamatan Dalam Talian 2024	Lulus
D.R.58/2024	D.R.60/2024		
D.R.57/2024	Bacaan Pertama Pada : 10/12/2024		
	Bacaan Kedua Pada : 12/12/2024		
	Dibentang Oleh : YB Tuan Gobind Singh Deo - Menteri Digital		
	Diluluskan Pada : 12/12/2024		
	Dibentang Oleh : YB Tuan Gobind Singh Deo - Menteri Digital		

Tajuk / Isu / Perka

TUTUP

Bacaan Pertama Rang Undang-Undang Perkongsian Data 2024 Telah Dibentangkan Di Dewan Rakyat



Diterbitkan pada 11 Dis, 2024
Oleh @ariffmac
Kategori Berita

Dewan Negara

Senarai Rang Undang-Undang

A- A+

LAMAN UTAMA

DEWAN NEGARA

RANG UNDANG-UNDANG

Arkib

1 2 3 4 5 6 7

Kod	Tahun	Tajuk	Status
D.R.66/2024	2024	RUU Pemegang Amanah (Pemerbadanan) (Pindaan) 2024	Lulus
D.R.65/2024	2024	RUU Pemegang Amanah (Pindaan) 2024	Lulus
D.R.64/2024	2024	RUU Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Pindaan) 2024	Lulus
D.R.61/2024	2024	RUU Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2024	Lulus
D.R.60/2024	2024	RUU Perkongsian Data 2024	Lulus
D.R.59/2024	2024	RUU Keselamatan Dalam Talian 2024	Lulus

D.R.60/2024

Bacaan Pertama Pada : 16/12/2024

Bacaan Kedua Pada : 19/12/2024

Dibentang Oleh : YB Tuan Gobind Singh Deo - Menteri Digital

Diluluskan Pada : 19/12/2024

Dibentang Oleh : YB Tuan Gobind Singh Deo - Menteri Digital

TUTUP



PERKENAN YANG DIPERTUAN AGONG : 5 FEBRUARI 2025

PENYIARAN WARTA : 20 FEBRUARI 2025



PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

LAMAN
UTAMA

PERLEMBAGAAN
PERSEKUTUAN

AKTA

ORDINAN

PERUNDANGAN
SUBSIDIARI

CARIAN



PAPAR REKOD

Paparan dari 1 hingga 1 dari 1 rekod (Ditapis dari jumlah 865 rekod)

<< < Page of 1 > >>

CARIAN:

No. Akta	Tajuk	Muat Turun
864	DATA SHARING ACT 2025 As At 20-02-2025 AKTA PERKONGSIAN DATA 2025 Sebagaimana Pada 20-02-2025	
No. Akta	Tajuk	Muat Turun

PAPAR REKOD

<< < Page of 1 > >>

CARIAN:



AKTA PERKONGSIAN DATA 2025

Suatu Akta untuk memperuntukkan perkongsian data dalam kawalan sesuatu agensi sektor awam dengan agensi sektor awam lain, penubuhan Jawatankuasa Perkongsian Data Negara, fungsi dan kuasa Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara berhubung dengan perkongsian data dan perkara lain yang berkaitan.

5 BAHAGIAN - 29 SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN (4 Seksyen)	BAHAGIAN II JAWATANKUASA PERKONGSIAN DATA NEGARA (6 Seksyen)	BAHAGIAN III KEWAJIPAN DAN KUASA KETUA PENGARAH (1 Seksyen)	BAHAGIAN IV PERKONGSIAN DATA (10 Seksyen)	BAHAGIAN V AM (8 Seksyen)
--	--	---	---	---



Agensi Sektor Awam Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan

Agensi pembekal data

Meminta data
menurut tujuan dan
prosedur
perkongsian data

Memberi respon
kepada
permintaan
perkongsian data

Agensi penerima data

Jabatan Digital Negara
mengawal selia perkongsian data

Ketua Pengarah
Jabatan Digital Negara

Menasihati dan
membuat syor

**Menteri
Kementerian Digital**

Rujukan kepada Menteri bagi
hal-hal pentadbiran berkaitan
pelaksanaan Akta


**Jawatankuasa Perkongsian
Data Negara**

Pengerusi :
KSU Kementerian Digital
Ahli : wakil semua Kementerian, JPM,
CGSO, NACSA & JPDP

Pelaporan dan
rujukan

**Jemaah
Menteri**

Agensi boleh merujuk kepada Jawatankuasa
sekiranya tidak berpuas hati dengan respon kepada
permintaan



BAHAGIAN I : **PERMULAAN** **(4 Seksyen)**

Peruntukan berkaitan perkara permulaan

Tajuk Ringkas Dan Permulaan Kuat Kuasa

Seksyen 1

- (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkongsian Data 2025.
- (2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Akta ini mengikat Kerajaan Persekutuan

Seksyen 2

Akta ini hendaklah mengikat Kerajaan Persekutuan.



Seksyen 3

Tafsiran


“agensi sektor awam”	(a) agensi yang bertanggungjawab bagi perkhidmatan awam (disebut dalam Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, kecuali perkhidmatan yang disebut dalam perenggan (f) dan (g); dan (b) Mana-mana pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa menurut undang-undang persekutuan.
“data”	apa-apa fakta, statistik, arahan, konsep atau maklumat lain dalam bentuk yang boleh disampaikan, dianalisis atau diproses, sama ada oleh individu atau komputer atau cara lain
“Jawatankuasa”	Jawatankuasa Perkongsian Data Negara
“Ketua Pengarah”	Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara
“Menteri”	Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi perkara berkaitan digital
“pembekal data”	Agensi sektor awam yang berkongsi data kepada penerima data
“penerima data”	Agensi sektor awam yang kepadanya data dikongsi

Seksyen 4

Rukun Perkongsian Data

- (1) Akta ini hendaklah **dibaca bersama-sama dengan peruntukan undang-undang bertulis lain** yang membenarkan suatu perkongsian data dibuat, tertakluk kepada syarat yang diperuntukkan di bawah undang-undang bertulis itu, dan **peruntukan Akta ini hendaklah menjadi tambahan kepada, dan tidak mengurangkan, peruntukan undang-undang bertulis yang berkaitan.**
- (2) Mana-mana orang yang berkongsi data di bawah **Akta ini disifatkan telah membuat penzahiran menurut peruntukan yang dinyatakan dalam ruang (3) di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam ruang (2) kepada Jadual RUU.**
- (3) Apa-apa **data agensi sektor awam** hendaklah diurus selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 **[Akta 88]** dan **apa-apa arahan** yang berhubungan dengan keselamatan dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Kerajaan.





BAHAGIAN II : **JAWATANKUASA** **PERKONGSIAN DATA NEGARA** **(6 Seksyen)**

Peruntukan yang berhubungan dengan Jawatankuasa Perkongsian Data Negara

Seksyen 5

Penubuhan Jawatankuasa

- (1) Jawatankuasa Perkongsian Data Negara ditubuhkan dan hendaklah bertanggungjawab kepada Jemaah Menteri
- (2) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada anggota seperti berikut:

Pengerusi	(a) Ketua Setiausaha Kementerian Digital
Anggota : (dilantik oleh Menteri Digital)	(b) Seorang wakil dari setiap Kementerian (c) Seorang wakil Jabatan Perdana Menteri (d) Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) (e) Seorang wakil Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) (f) Seorang wakil Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP)

(3) Anggota JK perenggan 2(b) - (f) hendaklah dilantik oleh Menteri

(4) Timbalan Pengerusi Dilantik dikalangan anggota Jawatankuasa

(5) Setiausaha : Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara

Seksyen 6

Fungsi Jawatankuasa

- a) untuk **membuat dasar dan strategi** yang berhubungan dengan perkongsian data di bawah Akta ini;
- b) untuk **menyelia pelaksanaan** Akta ini;
- c) untuk **mengambil atau mengesyorkan langkah atau tindakan pentadbiran** yang sesuai **bagi menyelesaikan kesulitan atau isu pentadbiran** yang timbul semasa pelaksanaan Akta ini;
- d) untuk **membuat dasar berhubung dengan pangkalan data bagi maksud perkongsian data** di bawah Akta ini; dan
- e) untuk **melakukan apa-apa perkara lain yang timbul atau berbangkit** daripada fungsi Jawatankuasa di bawah Akta ini.

Seksyen 7

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

- (1) **Timbalan Pengerusi** bertindak sebagai Pengerusi selama tempoh apabila—
 - a) Jawatan Pengerusi kosong; atau
 - b) Pengerusi, atas apa-apa sebab, tidak boleh menjalankan fungsinya.
- (2) **Timbalan Pengerusi** hendaklah, dalam tempoh dia menjalankan fungsi Pengerusi disifatkan sebagai Pengerusi



Seksyen 8

Mesyuarat Jawatankuasa

- (1) Pengerusi boleh **menentukan mesyuarat** diadakan pada masa, di tempat dan mengikut cara yang boleh ditentukan
- (2) Pengerusi hendaklah **mempengerusikan mesyuarat** Jawatankuasa
- (3) Pengerusi boleh **mengarahkan Timbalan Pengerusi untuk menggantikannya sebagai pengerusi mesyuarat** itu sekiranya beliau tidak hadir
- (4) **Lima belas** orang anggota, termasuk Pengerusi, hendaklah membentuk kuorum mesyuarat Jawatankuasa.
- (5) Jawatankuasa boleh menentukan tatacaranya sendiri

Seksyen 9

Jawatankuasa boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat

Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat


Jawatankuasa **bagi menasihati Jawatankuasa mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan**

Seksyen 10

Jawatankuasa boleh menubuhkan jawatankuasa kecil

- (1) Jawatankuasa boleh **menubuhkan apa-apa jawatankuasa kecil** untuk **membantu Jawatankuasa** dalam pelaksanaan fungsinya
- (2) Jawatankuasa boleh **melantik mana-mana orang untuk menjadi anggota** mana-mana jawatankuasa kecil
- (3) Jawatankuasa boleh **melantik mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi** jawatankuasa kecil
- (4) Jawatankuasa kecil hendaklah tertakluk kepada dan **bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan oleh Jawatankuasa**
- (5) Jawatankuasa kecil hendaklah **bermesyuarat pada masa, di tempat dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa kecil itu**
- (6) Jawatankuasa kecil boleh **mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat bagi menasihati jawatankuasa kecil**





BAHAGIAN III : **KEWAJIPAN DAN KUASA** **KETUA PENGARAH** **(1 Seksyen)**

**Peruntukan yang berhubungan dengan kewajipan dan kuasa Ketua Pengarah
Jabatan Digital Negara**


Seksyen 11

Kewajipan dan Kuasa Ketua Pengarah

Ketua Pengarah hendaklah mempunyai kewajipan dan kuasa seperti yang berikut:

- (a) untuk **melaksanakan dasar dan strategi** yang berhubungan dengan perkongsian data **yang dibuat oleh Jawatankuasa**;
- (b) untuk **menyelaras dan memudah cara** perkongsian data di bawah Akta ini;
- (c) untuk **menasihati dan membuat syor** kepada Jawatankuasa mengenai perkara yang berhubungan dengan perkongsian data di bawah Akta ini;
- (d) untuk **menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan apa-apa maklumat** atau dokumen yang berkenaan bagi maksud melaksanakan kewajipan dan kuasanya di bawah Akta ini
- (e) untuk **mengeluarkan pekeliling atau garis panduan** bagi maksud Akta ini; dan
- (f) untuk menjalankan **apa-apa tugas lain** sebagaimana yang diarahkan oleh Jawatankuasa.





BAHAGIAN IV : **PERKONGSIAN DATA** **(10 Seksyen)**

Peruntukan yang berhubungan dengan Perkongsian Data Antara Agensi Sektor Awam

Seksyen 12

Permintaan bagi perkongsian data

- (1) Mana-mana agensi sektor awam boleh meminta data kepada agensi sektor awam lain bagi **tujuan perkongsian data**
- (2) Permintaan hendaklah menyatakan—
 - a) **data** yang diminta;
 - b) **tujuan** yang baginya data itu diminta;
 - c) **agensi sektor awam yang dihasratkan** untuk menjadi penerima data dan pembekal data; dan
 - d) **cara pengendalian** data yang diminta.
- (3) suatu agensi sektor awam dianggap mempunyai kawalan ke atas data dalam milikan/jagaannya.

Seksyen 13

Tujuan yang baginya data boleh dikongsi

Suatu permintaan bagi **perkongsian data boleh diberi bagi tujuan** berikut

- a) untuk **meningkatkan kecekapan** atau **keberkesanan dasar, pengurusan program atau perancangan dan penyampaian perkhidmatan** oleh agensi sektor awam;
- b) untuk **mengurangkan atau mencegah ancaman** terhadap nyawa, kesihatan atau keselamatan seseorang, atau ancaman terhadap kesihatan atau keselamatan awam;
- c) untuk **bertindak balas terhadap kecemasan awam**;
- d) **demi kepentingan awam**; atau
- e) apa-apa tujuan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

Seksyen 14

Penilaian dan maklum balas agensi sektor awam yang menerima permintaan bagi perkongsian data

Agensi sektor awam yang menerima permintaan bagi perkongsian data **hendaklah membuat penilaian** seperti yang berikut:

- sama ada tujuan yang baginya data itu diminta **mewajarkan perkongsian data** itu;
- sama ada perkongsian data itu adalah **bertentangan dengan kepentingan awam**; dan
- sama ada agensi sektor awam yang meminta data itu mempunyai **perlindungan keselamatan dan teknikal yang sesuai untuk memastikan data yang dikongsi tidak boleh diakses atau digunakan tanpa kebenaran**.

Agensi yang menerima permintaan hendaklah memberi maklum balas dalam masa **empat belas (14) hari** daripada tarikh penerimaan permintaan :

- boleh dikongsi (syarat atau tanpa syarat)
- ditolak ; atau
- Sebab maklum balas tidak dapat diberi dan tempoh maklum balas akan diberi.

Seksyen 15

Penolakan untuk berkongsi data yang diminta

Agensi yang menerima permintaan bagi perkongsian data boleh menolak untuk berkongsi sebahagian atau semua data yang diminta atas sebab-sebab seperti:

- (a) dijangka akan **menzahirkan maklumat atau identiti sumber maklumat yang sulit** berhubung dengan **penguatkuasaan atau pentadbiran undang-undang**;
- (b) dijangka akan **menzahirkan kewujudan atau identiti seseorang yang termasuk dalam program perlindungan saksi**;
- (c) dijangka akan **menzahirkan langkah atau tatacara penyiasatan** -metodologi pengumpulan risikan, teknik atau teknologi penyiasatan, amalan rahsia atau perkiraan perkongsian maklumat antara agensi penguatkuasaan undang-undang;
- (d) akan **melanggar** perkara berikut: **keistimewaan peguam cara dan klien atau keistimewaan profesional undang-undang; perjanjian atau kontrak; kewajipan kerahsiaan mengikut ekuiti; atau perintah mahkamah atau tribunal**;
- (e) data yang diminta melibatkan perkara berikut: **keselamatan atau pertahanan negara; penyiasatan pelanggaran, atau kemungkinan pelanggaran, mana-mana undang-undang bertulis; inkues atau siasatan mengenai kematian; atau prosiding di hadapan mahkamah atau tribunal**;
- (f) akan **membahayakan kesihatan, keselamatan atau kebajikan satu atau lebih individu**;
- (g) **bercanggah dengan tujuan**;
- (h) agensi sektor awam yang meminta data **tidak mempunyai perlindungan keselamatan dan teknikal yang sesuai**.

Seksyen 16

Kewajipan yang berhubungan dengan perkongsian data

Pembekal data dan penerima data hendaklah:

- (a) memastikan data **diurus dan disenggara** dengan mematuhi apa-apa kehendak berkenaan dengan jagaan dan kawalannya;
- (b) mengambil **langkah memastikan keselamatan dan privasi data**
- (c) **menyimpan rekod semua butir-butir** yang berhubungan dengan data yang dikongsi;
- (d) melaporkan apa-apa **perkongsian data tanpa kebenaran** kepada Ketua Pengarah; dan
- (e) **mematuhi apa-apa kehendak** lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Jawatankuasa.

Seksyen 17

Kewajipan pihak ketiga untuk melindungi data yang dikongsi

- (1) Jika penerima data melantik **pihak ketiga untuk menjalankan aktiviti perkongsian data, penerima data hendaklah memastikan bahawa persetujuan pembekal data diperolehi** sebelum data itu dikendalikan oleh pihak ketiga itu.
- (2) Pihak ketiga hendaklah **mematuhi Akta ini, berhubungan dengan keselamatan data.**
- (3) Pihak ketiga **melanggar suatu kesalahan** dan boleh, apabila disabitkan, **didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun (5) atau kedua-duanya.**

Seksyen 18

Sekatan terhadap penggunaan selanjutnya dan penzahiran data yang dikongsi

- 1) pegawai dan pekhidmat kepada penerima data **tidak boleh menggunakan atau menzahirkan data yang dikongsi** selain bagi tujuan asal data itu dikongsi.
- 2) pegawai atau pekhidmat kepada penerima data yang melanggar suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, **didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun(5) atau kedua-duanya.**

Seksyen 19

Pengenaan fi di bawah undang-undang bertulis lain

Perkongsian data di bawah Akta ini boleh, jika berkenaan, tertakluk kepada pembayaran **fi sebagaimana yang boleh dikenakan oleh pembekal data di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.**

Seksyen 20

Perkongsian data terbuka

Bagi maksud **perkongsian data terbuka**, apa-apa **data terbuka yang tersedia secara bebas oleh mana-mana agensi sektor awam boleh dicapai dan dikongsi** tidak kira sama ada suatu permintaan dibuat atau tidak.




Seksyen 21

Kewajipan untuk melaporkan butir-butir yang berhubungan dengan perkongsian data

Agensi sektor awam hendaklah melapor dari semasa ke semasa kepada Ketua Pengarah:

- (a) **butir-butir permintaan** bagi perkongsian data yang dibuat;
- (b) **maklum balas berhubung** dengan permintaan bagi perkongsian data ;
- (c) jika data yang **diminta ditolak, sebab penolakan**; dan
- (d) **apa-apa maklumat lain** dalam kawalan agensi sektor awam itu **sebagaimana yang dikehendaki**.



BAHAGIAN V : AM (8 Seksyen)

Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan Am

Seksyen 22

Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan

Seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada sarjan mempunyai segala kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] yang berhubung dengan **penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan** apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Seksyen 23

Kewajipan kerahsiaan

Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, **mana-mana pegawai atau pekhidmat sesuatu agensi sektor awam, sama ada semasa atau selepas tempoh jawatan atau penggajiannya, tidak boleh menzahirkan apa-apa maklumat yang diperolehnya semasa melaksanakan kewajipannya.**

Mana-mana orang yang melanggar kewajipan kerahsiaan melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, **didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun (5) atau kedua-duanya.**



Seksyen 24

Perlindungan daripada guaman dan prosiding undang-undang

Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap **Menteri, mana-mana anggota Jawatankuasa, Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai atau pekhidmat agensi sektor awam atas sebab atau yang berkenaan dengan apa-apa perbuatan**, kecuaiian atau keingkaran yang dilakukan atau yang ditinggalkan olehnya dalam masa menjalankan kewajipannya di bawah Akta ini melainkan jika boleh dibuktikan bahawa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran itu telah dilakukan atau ditinggalkan dengan niat jahat dan tanpa sebab yang munasabah.

Seksyen 25

Pendakwaan

Tiada pendakwaan bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan **keizinan bertulis Pendakwa Raya**.

Seksyen 26

Tanggungan pengarah, dsb., bagi badan berkanun

Jika mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu badan berkanun, seseorang itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi badan berkanun atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat itu atau yang dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal badan berkanun itu atau yang membantu dalam pengurusannya—

- a) **boleh dipertuduh secara berasingan atau berse sama dalam prosiding yang sama bersekali dengan badan berkanun** itu; dan
- a) jika **badan berkanun itu didapati bersalah atau disifatkan bersalah atas kesalahan dan boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama sebagaimana seorang individu** melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya; atau bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuan dan telah mengambil segala langkah yang munasabah menghalang pelaksanaan kesalahan .

Seksyen 27

Kuasa untuk mengecualikan

Menteri boleh, melalui perintah yang **disiarkan dalam Warta**, tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk dikenakan, **mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada mana-mana atau semua peruntukan Akta ini.**

Seksyen 28

Kuasa untuk memberi arahan

Menteri boleh **memberikan arahan kepada Ketua Pengarah** selaras dengan peruntukan Akta ini dan Ketua Pengarah hendaklah melaksanakan arahan itu.

Seksyen 29

Kuasa untuk meminda Jadual

Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri yang bertanggungjawab bagi sesuatu undang-undang bertulis yang berkaitan, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, **meminda Jadual.**



1

PENGURUSAN PERUBAHAN

Sesi Taklimat Penerangan
Akta 864 kepada Agensi
Sektor Awam

BIL	NAMA PROGRAM	SASARAN
1	Taklimat Siri 1: Peringkat JDN & Pengurusan IT Kementerian /Agensi (Online)	Selesai
2	Taklimat Siri 2: Peringkat Kementerian/Agensi Sektor Awam/Badan Berkanun Persekutuan (Online)	Mac 2025
3	Peringkat Agensi Negeri	Julai 2025

2

PEMBANGUNAN GARIS PANDUAN

Sesi Input dan Pengesahan
Garis Panduan yang
dibangunkan berkaitan
Perkongsian Data

BIL	NAMA PROGRAM	SASARAN
1	Bengkel Siri 1: Bengkel Pembangunan Tadbir Urus & Garis Panduan Perkongsian Data Sektor Awam	Selesai
2	Bengkel Siri 2: Bengkel Pembangunan Tadbir Urus & Garis Panduan Perkongsian Data Sektor Awam	Mac 2025





KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

TERIMA KASIH

BAHAGIAN KAWAL SELIA AKTA

bksa@jdn.gov.my

MyGOV*NET

MySPKI
GOVERNMENT PUBLIC KEY INFRASTRUCTURE

DDMS 2.0

MyGovEvent

data.gov.my

MyGovCloud
@PUSAT

GAMMA
Central Authority Malaysia Asia-Europe Connectivity
Gateway of Malaysian Government Mobile Applications

MyGDx

SPOT-Me



<https://www.jdn.gov.my>



/JabatanDigitalNegara/



/JDigitalNegara



/jabatandigitalnegara/



@JABATANDIGITALNEGARA